

Sukan

Pertandingan lumba basikal dapat sambutan meriah

Oleh Daniel Lim –

BELAIT, 17 DIS – Ratusan penunggang basikal dari dalam dan luar negara telah berkumpul di kawasan sekitar Pejabat Daerah Belait yang menjadi titik permulaan dan penamat bagi *One Hour Criterium Cycling Race* yang diadakan awal pagi ini.

Pertandingan dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Pekan Kuala Belait (MPKPKB), dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Pejabat Daerah Belait, dan Kelab Berbasikal Belait.

Pertandingan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara penunggang basikal yang berkongsi minat yang sama terhadap sukan tersebut.

Pertandingan telah dibahagikan kepada beberapa kategori berasingan, iaitu Kategori Terbuka; 31 hingga 39 Tahun; 40 hingga 49 Tahun; 50 Tahun dan ke atas.

Penunggang basikal yang mengambil bahagian bersaing untuk mengenal pasti pelumba yang boleh melengkapkan pusingan terbanyak dalam masa satu jam. Perlumbaan bermula di Jalan Sultan dan berakhir di Jalan Padang.

Bagi Kategori Terbuka, Laurel Lauridsen Adrian menduduki tempat pertama selepas berjaya menamatkan 30 pusingan.

Kategori 31 hingga 39 Tahun pula tempat pertama disandang oleh Iskandar Damaimi setelah menamatkan keseluruhan 30 pusingan.

Sementara itu, Kategori 40 hingga 49 Tahun menyaksikan penamat rapat dengan Silas Michael Martin berada di tempat yang pertama selepas menamatkan 29 pusingan.

Dalam Kategori 50 Tahun dan ke atas, Shanon Basman yang menamatkan 29 pusingan menduduki tempat pertama.

Hadir bagi menyampaikan piala dan hadiah kepada tiga pelumba basikal terbaik dalam setiap kategori ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Haji Amiroi Hafidzin bin Haji Muhammad yang juga selaku tetamu kehormat.

MPKPKB berkata, perlumbaan itu merupakan yang pertama seumpamanya diadakan di Daerah Belait dan berharap perlumbaan serupa akan diadakan lagi pada masa akan datang.

Di samping pertandingan tersebut, sebuah petak juga telah disediakan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Gleneagles JPMC Brunei Darussalam, di bawah program *Happy Environment and Lifestyle*, yang mempamerkan bahaya tembakau dan e-rokok, serta kesannya terhadap kesihatan seseorang.



Haji Amiroi Hafidzin menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang. — GAMBAR OLEH DANIEL LIM